

Pesta Seni Borneo 2019 menggegarkan benua

Lebih 100 seniman menyertai acara dengan menampilkan karya masing-masing



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

URB 5.10.2019 15
PESTA seni terbesar di Kepulauan Borneo di sebelah barat sekali lagi menjangkau kita. Setiap tahun apabila sampai pada tarikh keramat di penghujung bulan setiap tahun, Pesta Labuan menjadi agenda utama yang dinantikan oleh pelukis di rantau ini.

Pesta Seni Borneo (BAF) telah dimulakan pada tahun 2010 dan kini sudah menjangkau usia sembilan tahun. Setiap tahun acara ini berjaya menggamit para peserta dan juga pengunjung dalam dan luar negara.

Walaupun Wilayah Persekutuan Labuan tidak mempunyai kemudahan pengangkutan kerana ketiadaan jambatan sebagai penghubung Pulau Labuan dengan tanah besar Sabah namun pengunjung ke pesta ini semakin bertambah setiap tahun.

Pada tahun ini dianggarkan pengunjung meningkat kepada 20 ribu, meningkat 50 peratus daripada tahun lepas. Di samping berjaya memanggil para seniman menyertai acara ini lebih



MURAL: Datuk Hassan Sani legenda bola sepak negara bersama mural imej beliau.

100 orang menunjukkan ketrampilan serta karya mereka.

Pada tahun ini Pesta Seni Borneo diadakan dengan anjuran bersama Lembaga Perbadanan Labuan serta La Vista Persatuan Seni Visual Labuan dan promoter acara yang disokong oleh Lembaga Kemajuan Seni Visual Negara, Kuala Lumpur dalam program Tahun Melawat Malaysia, Route To KL Biennale 2020.

Banyak pesta yang telah diadakan sepanjang bulan September bermula dari Instalasi di Teluk Kota Kinabalu, Pesta Seni Teluk Likas dan sebagainya. Bulan September dianggap sebagai bulan kesenian dan Kebudayaan negeri Sabah dan juga daerah yang berjiran dengannya.

Oleh kerana Wilayah Persekutuan Labuan berjiran dekat dengan negeri Sabah maka setiap tahun ramai peserta seni visual dan budaya disertai oleh

seniman berbagai genre dari Negeri di Bawah Bayu.

Sebagai persatuan seni visual yang terbesar keahliannya di negeri Sabah, Persatuan Seni Visual Sabah (PSVS) telah menghantar kumpulan pelukis yang agak ramai diketuai oleh Effendy Yubah.

Pesta Seni Borneo bukan sahaja sebagai platform seni visual mempamerkan karya, ia juga menjadi tempat pelukis membuat demonstrasi menunjukkan kewibawaan mereka serta ketrampilan menghasilkan karya.

Banyak gerai yang disediakan untuk pelukis serta persatuan pelukis seperti Persatuan Pelukis Wilayah Labuan, Persatuan Art Forum dari Brunei, Persatuan Pelukis Palawan dan juga Persatuan Pelukis Cebu, Filipina sebagai menyebut beberapa nama. Selama tiga hari berpameran berbagai acara serta pertandingan turut diadakan.

La Vista adalah sebuah

persatuan seni yang menjadi nadi pengurusan pesta seni terbesar yang berpengalaman menguruskan beberapa pesta di Labuan dan juga peringkat negeri Sabah sejak tahun 1999 lagi.

Selain dari pertandingan melukis easel terdapat juga pertandingan melukis ucir atau doodle terbuka dan juga untuk pelajar bagi mencungkil bakat melukis secara santai di mana terdapat sambutan yang sangat mengujakan.

Beberapa acara baharu seperti melukis mural yang dihasilkan oleh beberapa pelukis terkenal seperti Isarezal Ismail dan juga Binjai turut mengambil bahagian.

Salah satu lukisan mural yang menarik minat pengunjung BAF kali ini adalah karya Amir Nd Har,



KENANGAN: Penulis bersama pelukis Palawan, Filipina.



MESRA: Penulis bersama pelukis catan air Adzran Omar.

karya gergasi legenda bola sepak kelahiran Labuan Datuk Hassan Sani yang terpampang di Terminal Feri dan juga tokoh peniaga tempatan Ah Ming penjual minuman cincau di Labuan sejak tahun 1970an.

Beberapa pertandingan alternatif juga terdapat di BAF 2019 kali ini seperti pertandingan seni Cosplay yang menjadi kegilaan ramai. Pakaian kostum berdasarkan watak komik pop seperti manga, anime dan juga filem keluaran Walt Disney.

Pertandingan yang berunsur seni persembahan juga rancak dijalankan selama tiga hari itu seperti pertandingan Memukun, Local Wisdom Route To

KL Biennale 2020 kolaborasi dengan Muzium Seni Negara, Kuala Lumpur.

Pertandingan Local Wisdom atau Kearifan Lokal berjaya memukau pelawat VVIP umpamanya membuat ambulung dan ambuyat di Kampung Patau-Patau 2.

Pertandingan persembahan seperti tarian etnik, tarian budaya seperti zapin, joget dan ronggeng tidak ketinggalan dipertandingkan termasuk juga acara fesyen budaya tempatan dan banyak lagi yang memberikan satu lonjakan istimewa dalam BAF 2019 kali ini.

Hampir setiap hari mulai pagi hingga malam, pengunjung berpusu-pusu melawat setiap gerai yang

menghasilkan berbagai genre seni umpama lukisan, arca meja, cetakan kayu, lukisan karikatur, lukisan potret secara spontan, pakaian beragam dan sebagainya.

Bagi menyerlahkan lagi kepelbagaian peragaan seni visual Persatuan Fotografi Labuan diwakili oleh Ramlen Salleh, Daimansara Abdullah dan Ussdedik bersama kumpulan fotografi Instant Camera Movement, diketuai Dato Ariff telah berjaya mendedahkan karya foto yang kontemporari dan konvensional dalam memberikan pelbagai interpretasi daripada peminat tempatan.

Sementara itu kumpulan seni visual juga tidak ketinggalan menunjukkan trend karya yang baharu dan eksperimental seperti kumpulan Pelukis Art Geng, Johor diketuai Cikgu Azlan, kumpulan Seni Visual Nine Live Sarawak, Persatuan Seni Visual Sabah bersama Effendy Yubah, kumpulan cetakan visual alternatif, Pangrok Sulap bersama Rizo Leong dan Saffuwani, Kumpulan Seni 4+4 Teknologi Seni UMS diketuai oleh Murni Chum, Pembatik Yayasan Sabah Amin dan Yuslan, Lakararasa Kelantan dianggotai oleh Cikgu Adzran, Omar dan Azman, Pelukis Dion, serta Studio Animasi UCSF berjaya memukau para penonton sambil menyuntik kesedaran bahawa seni lukis bukan sahaja tarikan pelancong ia juga berfungsi menyedarkan masyarakat umum berkaitan alam sekitar dan pertukaran cuaca

global.

Di samping itu juga kumpulan pelukis-pelukis luar negara umpamanya kumpulan pelukis Artforum, Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Pg Roslan, Zakaria Omar dan Hj Dayang berjaya menarik pelawat mengunjung gerai mereka dengan mempamerkan karya lukisan landskap dan potret Kebawah Duli Al Sultan Brunei dan persatuan pelukis Palawan dan Cebu, Filipina menghangatkan lagi pesta seni dengan menghiburkan pelawat dengan muzik band ala busking mereka.

Seperti yang disaksikan oleh penulis yang sering berkunjung setiap tahun ke Pesta Seni Borneo, tahun 2019 ini sangat berjaya dari segi pengurusan yang lancar dan persembahan yang menarik minat pelawat kerana dengan kehadiran ramai pengamal seni visual dan seni persembahan sebagai bukti banyak karya seni yang pasaran oleh pelukis habis terjual dan dewan konvensyen di bangunan ikon Labuan Ujana Kewangan penuh sesak dan melimpah hingga keluar dewan ketika majlis hari penutupan Pesta Seni Borneo 2019 oleh Timbalan Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia Mohd Bakhtiar Wan Chik.

Semoga pesta seni seperti BAF 2019 akan berjaya menyantuni seniman dan karya seni di Kepulauan Borneo sebagai permata Kepulauan Borneo yang memancarkan cahayanya ke seluruh benua pada masa masa akan datang.



GERAI SENI: Cikgu Effendy Yubah di gerai seni PSVS.



PENJUAL CINCAU: Mural Ah Ming Cincau Man Labuan.